

Gua Musang: Seramai 230 peserta daripada pelbagai agensi, di sini, berjaya menawan Bukit Chupak yang menjadi mercu tanda baharu eko pelancongan di daerah ini.

Berkonsepkan Taman Rekreasi Hutan Dalam Bandar, Bukit Chupak setinggi 172 meter masih mengekalkan kepelbagaian flora dan faunanya selain menjanjikan pemandangan indah bandar Gua Musang.

Ketua Jajahan Gua Musang Mohd Roshdi Ismail berkata, pembinaan Taman Rekreasi Bukit Chupak itu, adalah peruntukan yang diterima daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia (NRES) melalui kerajaan negeri di bawah peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT) for biodiversity conservation dan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan

230 peserta tawan Bukit Chupak, mercu tanda baharu eko pelancongan Gua Musang

Gua Musang (PTJGM).

"Hampir RM500,000 diperuntukkan bagi merealisasikan pembinaan Taman Rekreasi Hutan Dalam Bandar, Bukit Chupak.

"Dengan ketinggian kira-kira 172 meter, terdapat tiga trek pendakian yang boleh digunakan pengunjung untuk sampai ke puncak dengan tahap kesukaran dan jarak yang berbeza.

"Di taman rekreasi ini, keindahan flora dan faunanya masih terjaga apabila terdapat nama pada pokok tertentu bagi membantu pengunjung mengenali nama pokok terbabit.

"Ini boleh menambah pengetahuan pengunjung dalam mengenali flora yang ada.



MOHD Roshdi (depan) ketika mendaki Bukit Chupak.

"Pembinaan Taman Rekreasi Bukit Chupak ini juga dibuat di tengah bandar Gua Musang untuk memberi peluang dan pengalaman kepada pengunjung merasai keindahan hutan dalam bandar sebagai tempat rekreasi serta

menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk di daerah ini," katanya ketika ditemui di Bukit Chupak, di sini.

Mohd Roshdi berkata, taman rekreasi terbabit masih dalam fasa pertama dan akan diteruskan untuk

fasa kedua dan ketiga.

Katanya, masih banyak penambahbaikan akan dilakukan untuk kemudahan pengunjung yang akan dilakukan pihak PTJGM dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM).

"Setakat ini, selain me-

nyediakan trek untuk ke puncak, kita juga ada sediakan tapak untuk perkhemahan dan menara tinjauan di puncak bukit bagi membolehkan pengunjung menikmati keindahan bandar Gua Musang.

"Seliaan taman rekreasi ini dibuat oleh PTJGM dan saya harap pengunjung yang datang dapat sama-sama menjaga kebersihan dan tidak merosakkan keindahan flora yang ada di kawasan ini," katanya.

Seorang pengunjung, May Soluman berkata, dia sangat teruja apabila memulakan pendakian di taman rekreasi terbabit apabila masih terdapat flora yang sudah jarang dijumpai.